

**MOHD. HAFIZAL**

Kurangkan pembebasan gas rumah hijau

ISU pemanasan global bukanlah perkara baharu kepada para pejuang alam sekitar di seluruh dunia.

Perjuangan itu dilakukan kerana suhu global didapati meningkat dengan kadar lebih cepat sejak beberapa dekad kebelakangan ini.

Perubahan iklim biasanya berlaku dalam tempoh 10,000 tahun tetapi kini perubahan iklim berubah dalam tempoh 100 tahun.

Pensyarah Kanan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Hafizal Ismail berkata, perubahan suhu yang ketara ini berlaku disebabkan perbuatan manusia.

Jelasnya, faktor pembangunan dan pertambahan jumlah penduduk dunia telah meningkatkan pembebasan gas rumah hijau dalam udara, sekali gus menyumbang kepada peningkatan suhu global.

"Pemanasan global ini memang sukar untuk diatasi secara keseluruhannya. Namun, masyarakat boleh membantu mengurangkan kepantasan peningkatan suhu global.

"Saya melihat masyarakat terutamanya golongan muda sedar mengenai fenomena pemanasan global ini. Mereka mula menggunakan bahan-bahan boleh dikitar semula," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Suhu bumi telah meningkat dua darjah dan kadarnya berbeza mengikut benua dan kawasan tertentu. Kajian juga mendapati, kawasan Artik lebih pantas menjadi panas berbanding kawasan lain di dunia.

Beliau juga menyeru supaya kerajaan memainkan peranan dengan mengadakan kempen secara lebih tersusun dalam mendidik masyarakat dengan gaya hidup mesra alam.

Katanya, kerajaan sepatutnya mempunyai perancangan tersendiri bagi tempoh beberapa dekad dalam usaha mengurangkan impak pemanasan global.